

18 JUL 2000

Mahkamah-Hasutan

UCAPAN SAYA UNTUK MENTENTERAMKAN RAKYAT, KATA MARINA

BUTTERWORTH, 18 Julai (Bernama) -- Bekas naib presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Marina Yusoff memberitahu Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, yang beliau menyentuh isu 13 Mei sebagai menjawab kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Melaka tahun lalu.

Marina berkata, beliau berpendapat ucapan Perdana Menteri itu yang antara lain mengingatkan rakyat pentingnya memilih kerajaan yang berwibawa serta kukuh bagi memastikan negara terus aman dan tidak berlaku huru-hara seperti pada 13 Mei, 1969, boleh menakutkan rakyat.

Beliau menyentuh isu 13 Mei itu dengan tujuan mahu meredakan keadaan dan memberi jaminan kepada rakyat khususnya kaum Cina bahawa sekiranya Barisan Alternatif dipilih sebagai pemerintah, ia akan memastikan tidak akan berlaku kekacauan.

Marina, 58, didakwa menyebut kata-kata menghasut di Dewan Chang Hua Kor Moral Uplifting Society di Jalan Tanah Liat antara pukul 9.41 malam dan 10.08 malam pada 29 Sept, 1999.

Beliau didakwa melakukan kesalahan itu menurut Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 yang jika sabit kesalahan, boleh didenda maksimum RM5,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Hakim Siti Mariah Ahmad hari ini meminta Marina membela diri selepas memutuskan yang pihak pendakwa telah membuktikan kes prima facie terhadapnya.

Katanya, dia mengetahui tentang ucapan Dr Mahathir itu melalui laporan yang disiarkan oleh Berita Harian pada 10 Ogos 1999 serta maklumbalas daripada penyokong-penyokong yang berketurunan Cina.

Dalam ucapan itu lagi, katanya, dia memberi jaminan kepada orang Cina bahawa orang Melayu akan menjaga keselamatan orang Cina di kawasan Melayu dan orang Cina pula akan menjaga keselamatan orang Melayu di kawasan Cina dan begitu juga dengan orang India.

"Kita ingin kekalkan keamanan dan bukan buat rusuhan," katanya ketika menjawab soalan Raja Aziz mengenai tujuan beliau menyebut perkataan yang dikatakan menghasut.

Marina berkata, perkataan yang menjadi tuduhan terhadapnya sebenarnya dipetik di tengah-tengah ucapannya dan pihak pendakwa tidak menyebut ayat yang diucapkannya sebelum itu, yang beliau merujuk kepada ucapan Dr Mahathir.

Marina, yang menyertai UMNO sejak tahun 1960, juga memberitahu mahkamah bahawa penjelasannya mengenai punca 13 Mei dibuat kerana dia memang tahu mengenai kejadian itu dan pada ketika itu dia bertugas di "Public Trustee Department" di Kuala Lumpur.

Katanya, pada hari kejadian itu, ada beberapa orang Pemuda Umno datang ke pejabatnya dan menasihatinya supaya pulang ke rumah dan jangan keluar kerana akan berlaku kekacauan pada petang itu.

Ketika ditanya bagaimana beliau tahu kejadian itu dimulakan oleh Umno, katanya, dia telah mendapat pengesahan daripada beberapa orang mengenai perkara itu dan membuat penyelidikan mengenai kejadian 13 Mei itu di "Public Records Office" di London.

Perbicaraan hari ini ditangguhkan sehingga pagi esok berikutan pendakwaraya mahu meneliti dokumen yang diperolehi dari London itu.

Pendakwaan dijalankan oleh Noorbahri Baharuddin dan Ahmad Fairuz Zainol Abidin manakala Marina diwakili Raja Aziz, Christopher Leong dan Gopal Sree

Nevasa.
-- BERNAMA
ZU PR